BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 2045 pada hari Isnin, 28 Januari 2002

SIARAN AKHBAR
PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN
DISEMBER 2001

Pada bulan Disember, jumlah pembiayaan kepada sektor swasta terus berkembang, disokong oleh keadaan mudah tunai yang lega dan kadar faedah yang kompetitif. Dana yang diperolehi daripada pasaran sekuriti hutang swasta kekal tinggi, sementara itu aktiviti berian pinjaman bank berterusan. Bekalan wang juga meningkat berikutan tuntutan ke atas sektor swasta yang lebih tinggi dan pengembangan dalam operasi luar. Mencerminkan aliran masuk dana perdagangan, rizab antarabangsa terus meningkat pada bulan Disember dan separuh pertama bulan Januari.

Kadar faedah antara bank terus kekal rendah dan stabil

Kadar faedah pasaran wang antara bank secara relatifnya kekal stabil pada bulan Disember. Operasi mudah tunai BNM menguncup sedikit (-RM0.3 bilion). Kesan pengembangan daripada pengeluaran deposit oleh sebuah institusi kewangan bukan bank daripada BNM dan aliran masuk dana menerusi perdagangan dan modal jangka panjang telah diimbangi oleh penyimpanan deposit dengan BNM oleh Kerajaan Persekutuan yang lebih tinggi berikutan oleh pembukaan semula terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) pada bulan tersebut.

Operasi Mudah Tunai BNM



Operasi mudah tunai BNM bermatlamat untuk mengekalkan kadar faedah antara bank yang stabil

Keadaan Mudah Tunai



Mudah tunai terus kekal lega

Kadar Faedah Antara Bank



Kadar faedah antara bank pada bulan Disember kekal stabil

Kadar purata berian pinjaman asas (BLR) untuk bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal tidak berubah, manakala **kadar purata berian pinjaman** (ALR) untuk bank perdagangan dan syarikat kewangan pula terus menurun.

Kadar Faedah Berian Pinjaman: BP & SK



BLR untuk bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal tidak berubah. Tetapi, ALR untuk bank perdagangan dan syarikat kewangan terus menurun

Pada 15 Januari 2002, **purata kadar faedah deposit tetap** yang ditawarkan oleh bank perdagangan dan syarikat kewangan untuk tempoh matang 1-bulan hingga 12-bulan kekal tidak berubah, dengan masing-masing berada pada 3.20-4.00% dan 3.20-4.01%.

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap: Bank Perdagangan



Kadar faedah deposit tetap untuk bank perdagangan kekal tidak berubah

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap: Syarikat Kewangan



Begitu juga dengan kadar faedah deposit tetap untuk syarikat kewangan

Kadar Faedah Benar 3-Bulan



Kadar inflasi yang rendah sedikit pada bulan Disember telah mengakibatkan kadar faedah benar deposit 3 bulan meningkat

Ringgit mencatatkan prestasi bercampur-campur berbanding mata wang utama dan mata wang serantau pada bulan Disember

Pada bulan Disember, **ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding mata wang utama**. Nilai ringgit meningkat berbanding yen Jepun (5.9%) dan euro (0.1%), sementara menyusut nilai berbanding paun sterling (-1.8%), selaras dengan pergerakan dolar AS dalam pasaran pertukaran mata wang asing antarabangsa. Nilai dolar AS mengukuh berikutan penerbitan petunjuk ekonomi yang menunjukkan peningkatan keyakinan para pengguna AS. Yen Jepun merosot berbanding dolar AS

berikutan kurang keyakinan pasaran terhadap prospek pertumbuhan ekonomi Jepun, dan tanggapan pasaran bahawa Kerajaan Jepun menyokong dasar matawang yang lemah. Euro menyusut nilai berbanding dolar AS disebabkan sedikit kebimbangan pasaran mengenai kemungkinan kesan sistemik terhadap kawasan euro berikutan kegagalan Argentina membayar hutang.

Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Utama



Ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding mata wang utama pada bulan Disember

Ringgit turut mencatatkan prestasi bercampur-campur berbanding mata wang serantau. Ringgit meningkat nilai berbanding beberapa mata wang serantau dalam julat 0.5% - 4.3%, sementara menyusut nilai berbanding peso Filipina dan rupiah Indonesia, masing-masing sebanyak 0.7% dan 0.5%. Berikutan penurunan nilai yen Jepun, sebilangan mata wang serantau juga menyusut nilai berbanding dolar AS dan ringgit. Walau bagaimanapun, rupiah Indonesia dan peso Filipina meningkat nilai berbanding dolar AS, hasil daripada kemasukan dana daripada kiriman wang daripada pekerja-pekerja di luar negara.

Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Serantau



Ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding mata wang serantau pada bulan Disember

Sepanjang tempoh **1 – 25 Januari 2002**, nilai ringgit meningkat berbanding matawang utama. Nilai ringgit meningkat berbanding yen Jepun sebanyak 2.8%, berbanding euro sebanyak 1.0% dan berbanding paun sterling sebanyak 1.8%. Dolar AS meningkat nilai terutamanya disebabkan oleh keyakinan pasaran terhadap prospek pertumbuhan ekonomi AS. Euro merosot berbanding dolar AS berikutan kebimbangan pasaran mengenai kesan penurunan nilai peso Argentina terhadap kawasan euro memandangkan penglibatan bank-bank Eropah di Argentina. Nilai ringgit juga menyusut berbanding beberapa mata wang serantau dalam julat 0.1% - 0.8% pada tempoh yang sama. Disebalik perkembagan ini, ringgit kekal pada paras yang sebenar dan terus disokong oleh asas ekonomi Malaysia yang kukuh. Rizab antarabangsa yang meningkat, inflasi yang rendah, sistem perbankan yang bermodal secukupnya dan paras hutang luar negara yang rendah adalah sebahagian daripada asas-asas ekonomi yang kukuh ini.

Prestasi Ringgit Berbanding Mata wang Terpilih

RM kepada satu unit mata wang asing	2 September 1998	Akhir-Dis. 2001	25 Januari 2002	% Perubahan		
				Disember 2001	1-25 Jan. 2002	2 Sep. 1998-25 Jan. 2002
Dolar AS	3.8000	3.8000	3.8000	0.0	0.0	0.0
Euro	-	3.3662	3.3339	0.1	1.0	-
Paun Sterling	6.3708	5.5161	5.4169	-1.8	1.8	17.6
100 yen Jepun	2.7742	2.8955	2.8174	5.9	2.8	-1.5
Dolar Singapura	2.1998	2.0529	2.0686	1.1	-0.8	6.3
100 baht Thai	9.3713	8.6022	8.6119	0.5	-0.1	8.8
100 peso Filipina	8.8302	7.3644	7.4052	-0.7	-0.6	19.2
100 rupiah Indonesia	0.0354	0.0365	0.0363	-0.5	0.6	-2.5
100 won Korea	0.2827	0.2883	0.2867	4.3	0.6	-1.4

Inflasi kekal rendah

Inflasi**,** yang diukur oleh **Indeks Harga Pengguna (IHP)**, turun pada tahap 1.2% pada asas tahunan pada bulan Disember (November: 1.5%). Bagi keseluruhan tahun ini, inflasi menyederhana kepada 1.4% (1.6% pada tahun 2000).

Pada asas bulanan, IHP keseluruhannya meningkat sedikit sebanyak 0.1% pada bulan Disember. Kenaikan ini disebabkan oleh kenaikan harga yang lebih tinggi bagi makanan di rumah, sementara harga bagi sub-kumpulan lain secara relatifnya kekal stabil. Harga yang lebih tinggi bagi

makanan di rumah, diantaranya ikan, daging, dan susu dan telur, mencerminkan permintaan yang lebih tinggi berikutan musim perayaan serta kekurangan penawaran ikan disebabkan oleh keadaan cuaca yang kurang baik di kawasan pantai timur Semenanjung Malaysia.

Indeks Harga Pengguna



Inflasi turun pada bulan Disember

Harga pengeluar terus menyusut

Sementara itu, **Indeks Harga Pengeluar (IHPR)** turun sebanyak 6.8% pada asas tahunan pada bulan November (Oktober: -7.9%). Harga yang lebih rendah ini disebabkan oleh harga komoditi yang lebih rendah, iaitu minyak mentah dan getah. Tidak termasuk sub-kumpulan yang berkaitan dengan komoditi, IHPR yang tidak berkaitan dengan komoditi meningkat sedikit sebanyak 0.3%. Pada asas bulanan, IHPR menyusut sebanyak 1.0% pada bulan November.

Indeks Harga Pengeluar



Harga pengeluar terus menyusut

Agregat monetari terus meningkat pada bulan Disember

Ketiga-tiga **agregat monetari** terus meningkat pada bulan Disember. Wang secara luas, M3 meningkat sebanyak RM4.2 bilion atau 0.9% sementara M1 mencatat peningkatan sebanyak RM3.2 bilion atau 4.1%. Pada asas tahunan, M1, M2 dan M3 masing-masing meningkat sebanyak 3.2%, 2.2% dan 2.9%. Penyederhanaan dalam kadar pertumbuhan tahunun ini adalah disebabkan oleh asas yang tinggi pada bulan Disember 2000, serta peningkatan dalam deposit Kerajaan dengan BNM pada bulan Disember.

Peningkatan dalam M3 pada bulan Disember adalah disebabkan terutamanya oleh tuntutan ke atas sektor swasta yang lebih tinggi, mencerminkan peningkatan dalam pegangan sekuriti dan pelaburan lain oleh institusi perbankan. Operasi luar juga memberi kesan pengembangan ke atas bekalan wang, dengan rizab antarabangsa BNM terus menunjukkan peningkatan. Walau bagaimanapun, operasi Kerajaan memberi kesan penguncupan, mencerminkan peningkatan dalam deposit dengan BNM berikutan penerimaan hasil daripada terbitan semula Sekuriti Kerajaan Malaysia sebanyak RM6.5 bilion dan pinjaman bersindiket asing sebanyak AS$540 juta. Walau bagaimanapun, pinjaman bersindiket asing tersebut memberi kesan yang neutral ke atas bekalan wang, oleh kerana ia juga dicerminkan sebagai peningkatan dalam rizab antarabangsa BNM.

Agregat Monetari: Pertumbuhan Tahunan



Agregat monetari terus mengembang, walaupun pada kadar yang lebih sederhana

M3: Perubahan Bulanan



...pada asas bulanan, M3 meningkat berikutan tuntutan ke atas sektor swasta yang lebih tinggi dan pengembangan dalam operasi luar

Penentu-penentu M3

(RM bilion)

	Perubahan pada bulan			
	2001			
	Okt	**Nov**	**Dis**	**Jan-Dis**
M3	-1.2	1.8	4.2	13.0
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	3.9	2.0	-1.8	-1.5
Tuntutan ke atas sektor swasta	1.1	1.3	1.2	20.4
Operasi luar [1/]	-1.2	-0.9	1.4	7.6
Pengaruh lain	-5.0	-0.5	3.4	-13.5

1/sebelum penilaian semula

Deposit sistem perbankan mencatatkan peningkatan akhir tahun yang ketara, sementara aktiviti pinjaman kekal kukuh

Pada asas bulanan, **jumlah deposit** sistem perbankan meningkat sebanyak RM6 bilion atau 1.3%. Deposit menunjukkan peningkatan yang menyeluruh pada bulan tersebut. Deposit individu terus meningkat dengan ketara sebanyak RM2.7 bilion, terutamanya dalam bentuk deposit tabungan, permintaan dan tetap, sebahagiannya mencerminkan penerimaan bonus akhir tahun. Deposit institusi kewangan juga meningkat sebanyak RM1.7 bilion, disebabkan terutamanya oleh peningkatan deposit institusi kewangan bukan bank dalam bentuk perjanjian beli balik dan deposit SPI. Pada masa yang sama, deposit perusahaan perniagaan juga adalah lebih tinggi terutamanya dalam bentuk deposit permintaan dan perjanjian beli balik. Peningkatan dalam perjanjian beli balik ini sedikit sebanyak menggambarkan pemindahan daripada simpanan tetap. Sementara itu, deposit mata wang asing mencatatkan pengeluaran bersih, terutamanya disebabkan oleh kadar

dolar AS yang rendah. Pada asas tahunan, jumlah deposit yang disimpan dengan sistem perbankan meningkat sebanyak 1.8% pada akhir bulan Disember (3.2% pada akhir bulan Disember 2000).

Perubahan Bulanan dalam Deposit **(RM juta)**

	2001		
	Okt.	**Nov.**	**Dis.**
Penyimpan			
Kerajaan Persekutuan	-997	-586	-40
Kerajaan Negeri	-206	62	25
Badan Berkanun[1/]	39	-476	818
Institusi Kewangan	-3,136	-1,580	1,660
Perusahaan Perniagaan	-1,867	-1,177	982
Individu	2,025	3,810	2,673
Lain-lain	130	-110	-154
Jumlah	-4,012	-58	5,964

[1/] Termasuk kerajaan tempatan.

Peningkatan yang menyeluruh dalam deposit, kecuali deposit Kerajaan Persekutuan dan Negeri yang kekal stabil

Perubahan Bulanan dalam Deposit **(RM juta)**

	2001		
	Okt.	**Nov.**	**Dis.**
Jenis			
Deposit tetap	406	-1,975	-2,712
Deposit instrumen boleh niaga *(NID)*	-1,456	-642	327
Deposit permintaan	-553	826	2,738
Deposit tabungan	360	294	863
Perjanjian beli balik *(Repo)*	-2,818	1,085	4,082
Deposit mata wang asing	287	4	-379
Deposit SPI	-368	459	1,199
Lain-lain	130	-110	-154
Jumlah	**-4,012**	**-58**	**5,964**

Peningkatan deposit yang ketara adalah disebabkan oleh perjanjian beli balik, deposit permintaan, deposit SPI dan deposit tabungan yang lebih tinggi

Untuk keseluruhan tahun 2001, jumlah deposit meningkat sebanyak RM8.6 bilion (RM14.6 bilion dalam tahun 2000), dengan deposit individu meningkat sebanyak RM17 bilion, yang lebih daripada mengimbangi deposit yang lebih rendah oleh penyimpan-penyimpan lain. Dari segi jenis deposit, deposit SPI menunjukkan peningkatan yang ketara sepanjang tahun (RM11.3 bilion). Peningkatan ini adalah terutamanya dalam bentuk deposit pelaburan istimewa (SID) dan deposit pelaburan am (GID) berjumlah RM8.9 bilion, sebahagiannya mencerminkan pemindahan daripada deposit tetap konvensional yang merosot sebanyak RM12.5 bilion. Jenis deposit lain,

khasnya deposit tabungan, perjanjian beli balik dan permintaan, adalah juga lebih tinggi.

Pinjaman yang diluluskan pada bulan Disember berjumlah sebanyak RM9.4 bilion dan terus diberikan terutamanya untuk pembelian rumah kediaman dan kereta penumpang. Sementara itu, **pengeluaran pinjaman** meningkat dengan ketara pada bulan Disember, berjumlah sebanyak RM33.5 bilion dan disalurkan kepada pelbagai aktiviti ekonomi termasuk sektor perkilangan; perdagangan borong dan runcit; dan perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan; untuk pembelian rumah kediaman dan kereta penumpang; serta kad kredit.

Kelulusan, Pengeluaran dan Pembayaran Balik Pinjaman



Pengeluaran pinjaman meningkat dengan ketara pada bulan Disember …

Pengeluaran Pinjaman kepada Sektor Terpilih



... dan telah disalurkan kepada sektor perkilangan; perdagangan borong dan runcit serta untuk pembelian rumah kediaman dan kereta penumpang

Walau bagaimanapun, berikutan bayaran balik pinjaman yang lebih tinggi, **jumlah pinjaman yang belum dijelaskan** yang diberikan oleh system perbankan menurun sedikit sebanyak RM112 juta pada bulan Disember. Ini adalah disebabkan terutamanya oleh pembiayaan semula pinjaman berjumlah sebanyak RM1.3 bilion oleh sebuah syarikat utiliti menerusi terbitan sekuriti hutang swasta. Tidak termasuk pembiayaan semula ini, pinjaman yang belum dijelaskan meningkat sebanyak RM1.2 bilion pada bulan Disember. Sementara itu, pinjaman untuk pembelian rumah kediaman dan kereta penumpang terus meningkat.

Sistem Perbankan: Jumlah Pinjaman yang Belum Dijelaskan mengikut Sektor **(RM juta)**

	2001		
	Perubahan bulanan		Pada akhir bulan
	Nov.	Dis.	Dis.
Pertanian, ternakan, perhutanan dan perikanan	224	-289	12,393
Perlombongan dan kuari	-140	22	1,538
Perkilangan	-1,466	-38	68,326
Elektrik, gas dan bekalan air	407	-935	5,317
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	242	-1	38,990
Sektor harta benda yang luas	143	1,168	175,929
yang mana:			
Pembelian harta kediaman	*1,199*	*1,290*	*87,067*
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	-1,996	-369	12,339
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	22	-207	35,358
Kredit penggunaan	940	1,149	69,410
yang mana:			
Pembelian kereta penumpang	*759*	*718*	*45,496*
Kad kredit	*246*	*323*	*8,942*
Pembelian sekuriti	-65	-252	30,372
Lain-lain	102	-361	20,452
Jumlah Pinjaman[1/]	**-1,587**	**-112**	**470,424**

[1/] Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta (merangkumi pinjaman harta dan sewa beli yang belum dijelaskan).

Nota: Pecahan jumlah tidak semestinya sama dengan jumlah besar disebabkan oleh penghampiran angka.

Penurunan dalam pinjaman yang belum dijelaskan mencerminkan terutamanya pembiayaan semula pinjaman menerusi terbitan sekuriti hutang swasta

Untuk keseluruhan tahun ini, pengeluaran pinjaman meningkat sebanyak 3.1% kepada RM372 bilion, dengan sebahagian besarnya disalurkan kepada sektor perkilangan (27.9% daripada jumlah pengeluaran); perdagangan borong dan runcit (17.2%); pembelian rumah kediaman dan kereta penumpang (masing-masing sebanyak 7.7% dan 6.3%); sektor perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan (7.7%) dan pembinaan (5.6%); serta untuk kad kredit (5.3%). Bayaran balik pinjaman juga meningkat sebanyak 4.7% kepada RM363.4 bilion, hampir menyamai pengeluaran, yang

mana telah menyederhanakan pertumbuhan jumlah pinjaman yang belum dijelaskan. Untuk keseluruhan tahun ini, jumlah pinjaman yang belum dijelaskan meningkat lagi sebanyak RM16.4 bilion atau 3.6% pada akhir bulan Disember 2001. Tidak termasuk penstrukturan semula hutang pada bulan November dan pembiayaan semula pinjaman pada bulan Disember, pinjaman yang belum dijelaskan meningkat sebanyak RM20.6 bilion atau 4.5% pada akhir tahun 2001.

Pembiayaan agregat melalui pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS) meningkat

Jumlah pembiayaan menerusi pinjaman yang diberikan oleh sistem perbankan dan PDS yang diterbitkan oleh sektor swasta meningkat sebanyak RM2.8 bilion pada bulan Disember. Untuk keseluruhan tahun ini, ia meningkat sebanyak RM33.5 bilion atau 6% pada akhir tahun 2001.

Pembiayaan melalui pinjaman sistem perbankan dan sekuriti hutang swasta (PDS)

	Perubahan			Pertumbuhan tahunan	
	2001			2001	
	Nov.	Dis.	Jan-Dis	Nov.	Dis.
	RM bilion			%	
Pembiayaan melalui sistem perbankan	**0.9**	**-0.1**	**22.9**	**6.3**	**4.8**
Pinjaman yang belum dijelaskan (1)	-1.6	-0.1	16.4	4.8	3.6
Pegangan sekuriti hutang swasta	2.5	…	6.5	46.9	35.9
Jumlah PDS * (2)	**6.9**	**3.0**	**17.1**	**19.8**	**17.0**
Jumlah (1) + (2)	**5.3**	**2.8**	**33.5**	**7.5**	**6.0**

* Merujuk kepada jumlah PDS yang diterbitkan oleh sektor swasta dengan tempoh matang asal lebih daripada satu tahun.
Tidak termasuk PDS yang diterbitkan oleh institusi perbankan, Khazanah, BNM, Cagamas, Danaharta dan Danamodal.
Nota: Angka-angka tidak semestinya sejumlah disebabkan oleh penggenapan.

Perolehan dana bersih yang lebih tinggi daripada pasaran modal

Dana bersih yang diperoleh daripada pasaran modal adalah lebih tinggi pada bulan Disember, berjumlah RM12.2 bilion. Dana yang diperolehi oleh sektor awam adalah lebih tinggi disebabkan oleh pembukaan semula terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) berjumlah RM6.5 bilion. Sementara itu, jumlah terbitan bersih hutang sekuriti oleh sektor swasta adalah lebih rendah.

Dana Bersih yang Diperoleh daripada Pasaran Modal [1/]



1/ Dana bersih yang diperoleh daripada pasaran modal oleh sektor swasta (termasuk bon Cagamas dan Danaharta)

Perolehan dana bersih yang lebih tinggi daripada pasaran modal pada bulan Disember.

Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (KLSE CI) terus menunjukkan arah aliran yang positif pada bulan Disember sejajar dengan perkembangan di pasaran Amerika Syarikat. Sentimen pasaran juga meningkat berikutan laporan positif oleh beberapa institusi penyelidikan asing mengenai Malaysia. Pelaksanaan indeks 'free-float' oleh *Morgan Stanley Capital International* tidak memberi kesan yang ketara terhadap pasaran kerana pelabur-pelabur telah mengambil kira kesannya terlebih dahulu. Pada 31 Disember, *KLSE CI* ditutup pada 696.09 mata (+9.1% sejak akhir bulan November dan +2.4% berbanding pada akhir tahun 2000) manakala permodalan pasaran adalah sebanyak RM464.99 bilion (+6.7% sejak akhir bulan November dan +4.6% berbanding pada akhir tahun 2000). Purata urusniaga harian pula adalah sebanyak 322.7 juta unit (371.7 juta unit pada bulan November dan 204.4 juta unit pada tahun 2001).

Prestasi Indeks Terpilih



KLSE CI menunjukkan aliran menurun

Dalam tempoh tiga minggu pertama bulan Januari 2002, prestasi pasaran secara relatifnya kekal stabil. Pada mulanya, KLSE CI meningkat sedikit berikutan laporan positif mengenai prospek ekonomi Malaysia. Walau bagaimanapun, aliran yang memberangsangkan ini tidak dapat bertahan sehingga akhir tempoh tersebut berikutan aktiviti pengambilan untung dan ketidaktentuan bursa-bursa saham global. Pada 25 Januari, KLSE CI ditutup pada 693.58 mata (-0.4% sejak akhir bulan Disember) manakala permodalan pasaran adalah sebanyak RM470 bilion (+1.1% sejak akhir bulan Disember). Purata urusniaga harian pula adalah lebih tinggi sebanyak 351.8 juta unit (322.7 juta unit pada bulan Disember).

Rizab Antarabangsa

Rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia meningkat kepada RM117.2 bilion atau AS$30.8 bilion pada 31 Disember 2001 dan seterusnya kepada RM117.8 bilion atau AS$31 bilion sehingga 15 Januari 2002. Paras rizab ini adalah mencukupi untuk membiayai 5.1 bulan import tertangguh dan adalah 6.1 kali hutang luar negeri jangka pendek. Aliran masuk yang berterusan daripada perdagangan dan modal jangka panjang adalah lebih daripada mencukupi untuk membiayai pergerakan dana berkaitan penghantaran pulang keuntungan dan dividen pada penghujung tahun serta pelarasan dana portfolio.

Kedudukan rizab pada penghujung bulan Disember 2001 telah mengambil kira pelarasan sukuan yang menghasilkan kerugian penilaian semula matawang asing yang belum direalisasi sebanyak AS$612 juta disebabkan terutamanya oleh penyusutan nilai Euro dan yen berbanding dolar AS pada suku keempat. Jumlah kerugian penilaian semula bersih berjumlah sebanyak RM4.1 bilion atau AS$1.1 bilion bagi tahun 2001.

Rizab telah meningkat sebanyak RM4.2 bilion atau AS$1.1 bilion sejak akhir tahun 2000. Rizab adalah dalam aliran menaik sejak akhir bulan Jun, mengatasi kemerosotan yang dialami pada awal tahun 2001. Sejak akhir bulan Jun, rizab antarabangsa telah meningkat sebanyak RM18.9 bilion atau AS$5 bilion. Dengan perbezaan kadar faedah memihak kepada Malaysia pada separuh kedua tahun 2001, ianya telah menggalakkan pembawaan pulang perolehan eksport dengan lebih awal daripada luar negeri. Aliran

masuk pelaburan langsung asing kekal ketara dalam tempoh berkenaan, mencerminkan aliran masuk daripada rakan niaga strategik luar negara. Meskipun modal portfolio mencatatkan aliran masuk yang kukuh sejak bulan Julai, tren ini berubah haluan pada separuh kedua bulan September berikutan ketidaktentuan yang berkaitan dengan perkembangan peristiwa 11 September di Amerika Syarikat. Pembayaran balik hutang luar negeri pada separuh kedua tahun 2001 pula mengimbangi sebahagian daripada pengambilan daripada hutang luar negeri.



Sistem perbankan kekal kukuh

Kedudukan modal sistem perbankan terus bertambah baik pada bulan Disember 2001 dengan nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) dan nisbah modal utama (CCR) masing-masing meningkat kepada 12.7% and 10.8%. Peningkatan nisbah-nisbah modal ini adalah berikutan penambahan modal oleh 3 institusi perbankan untuk mematuhi syarat keperluan modal minima. Walau bagaimanapun, peningkatan ini telah diimbangi sedikit oleh kenaikan dalam pelaburan subsidiari berikutan pengambilalihan sebuah syarikat kewangan sehubungan dengan proses penggabungan sistem perbankan.

Nisbah NPL bersih meningkat kepada 8.1% pada akhir Disember 2001 (7.9% pada akhir November 2001) dengan NPL bersih berjumlah RM32.6

bilion. Kenaikan ini disebabkan oleh peningkatan sedikit di dalam jumlah kasar NPL sebanyak RM0.6 bilion di samping penguncupan yang kecil di dalam jumlah pinjaman sistem perbankan.

Kedudukan Kewangan Sistem Perbankan

	1998	1999		2000		2001		
	Dis.	Jun.	Dis.	Dis.	Jun.	Okt.	Nov.	Dis.
Modal								
Nisbah Modal Utama (%)	8.7	10.4	10.1	10.7	10.5	10.6	10.6	10.8
RWCR (%)	11.8	12.9	12.5	13.0	12.4	12.5	12.6	12.7
NPL Bersih (klasifikasi 6-bulan)								
Sistem perbankan (%)	8.1	7.9	6.4	6.5	6.3	8.2	7.9	8.1
Sistem perbankan (RM juta)	31,675	29,889	23,849	24,736	24,700	33,121	31,934	32,586
Peruntukan am / Jumlah pinjaman bersih (6-bulan,%)	2.0	1.8	1.9	1.9	1.9	1.9	1.9	1.9

* Mulai Jun 1999, jadual ini mengambil kira institusi perbankan Islam.



….RWCR meningkat kepada 12.7%

Sistem Perbankan: NPL Bersih dan Peruntukan Am



…Nisbah NPL bersih meningkat sedikit kepada 8.1%

Setakat 30 November 2001, jumlah pinjaman yang diambil alih dan diuruskan oleh Danaharta adalah sebanyak RM47.5 bilion di mana RM39.5 bilion adalah daripada sistem perbankan. Jumlah pinjaman yang diambil alih oleh Danaharta daripada sistem perbankan merangkumi 39.3% daripada jumlah NPL seluruh sistem perbankan. Daripada jumlah keseluruhan pinjaman yang diambil alih ini, RM41.9 bilion (dengan nilai kasar RM45.0 bilion) atau 88.2% telah diselesaikan di mana kadar kutipan balik pinjaman-pinjaman tak berbayar ini dijangka berada pada tahap 56%[1].

Suntikan modal oleh Danamodal menurun kepada tahap RM2.1 bilion pada akhir Disember 2001 berikutan pembayaran balik oleh sebuah institusi kewangan. Sepanjang bulan ini, Jawatankuasa Penyusuanan Semula Hutang Korporat (CDRC) telah menyelesaikan 3 kes lagi. Walau bagaimanapun, satu kes yang sebelum ini telah diselesaikan tetapi sedang menunggu pelaksanaan telah ditarik balik daripada CDRC di atas permintaan peminjam-peminjamnya. Ini menjadikan jumlah kes yang telah diselesaikan kepada 42 dengan jumlah hutang sebanyak RM35.4 bilion dan jumlah kes yang telah ditolak atau ditarik balik kepada 23 kes. Setakat 31 Disember 2001, 21 kes dengan hutang berjumlah RM21.4 bilion masih belum diselesaikan, termasuk 3 kes yang sebelum ini telah diselesaikan tetapi kini perlu disemak semula dan 6 kes yang telah dipindahkan kepada Danaharta untuk disemak semula.

[1] Berasaskan andaian kadar kutipan balik sifar bagi kes-kes yang tertunggak.

Statistik kes-kes CDRC setakat 31 Disember 2001		
	Jumlah hutang* (RM juta)	**Bilangan kes**
Dirujuk kepada	66,813	86
Ditarik-balik / Ditolak	10,069	23
Kes diterima oleh CDRC	56,744	63
Selesai dirumuskan	**35,386**	**42**
*Selesai dilaksanakan ** *	*28,971*	*25*
*Menunggu perlaksanaan *** *	*6,415*	*17*
Belum diselesaikan	**21,358**	**21**
Disemak semula	*1,747*	*3*
Disusun semula oleh Danaharta	*1,573*	*6*
Dengan CDRC	*18,038*	*12*

* termasuk institusi bukan bank dan luar pesisir
** termasuk 2 dipindah kepada Danaharta
*** termasuk 3 dipindah kepada Danaharta

Bank Negara Malaysia
28 Januari 2002

Perangkaan Utama Kewangan dan Perbankan

	November		Disember	
	Baki	Pertumbuhan tahunan	Baki	Pertumbuhan tahunan
	(RM bilion)	(%)	(RM bilion)	(%)
Agregat Monetari				
Wang rizab	39.8	6.4	40.0	-3.3
M1	77.6	8.1	80.7	3.2
M2	356.9	3.9	362.5	2.2
M3	465.4	4.3	469.5	2.9
Sistem Perbankan				
Jumlah deposit	473.1	2.6	479.0	1.8
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta)	470.5	4.8	470.4	3.6
Jumlah pinjaman (tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta)	412.1	5.2	411.6	3.8
Nisbah pinjaman-deposit (%)	87.1		85.9	
Pinjaman yang diluluskan pada bulan berkenaan	10.8		9.4	
Pengeluaran pinjaman pada bulan berkenaan	30.5		33.5	
Keadaan Sistem Perbankan				
Nisbah Modal Berwajaran Risiko (RWCR) (%)	12.6		12.7	
NPL bersih: Klasifikasi 6-bulan (%)	7.9		8.1	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)				
Rizab dalam RM (bilion)	116.5		117.2	
Rizab dalam Dolar AS (bilion)	30.7		30.8	
Bilangan bulan import tertangguh	5.0		5.1	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]				
Antara bank: 1-bulan	2.99 [2.89]		2.97 [2.90]	
3-bulan	2.85 [3.06]		3.27 [3.09]	
Deposit tetap bank perdagangan: 1-bulan	3.20 [3.20]		3.20 [3.20]	
3-bulan	3.21 [3.21]		3.21 [3.21]	
BLR bank perdagangan	6.39 [6.39]		6.39 [6.39]	
Harga				
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)	102.0	1.5	102.1	1.2
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) 1989=100)	122.0	-6.8	-	-
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding Matawang Terpilih (akhir tempoh)				
Euro	3.3708		3.3662	
Paun Sterling	5.4158		5.5161	
Dolar Singapura	2.0756		2.0529	
100 Yen Jepun	3.0674		2.8955	
100 Baht Thai	8.6462		8.6022	
100 Peso Filipina	7.3148		7.3644	
100 Rupiah Indonesia	0.0363		0.0365	
100 Won Korea	0.3006		0.2883	
Pasaran Modal				
Dana bersih yang diperolehi oleh:	-0.3		6.8	
sektor awam (RM bilion)	6.9		5.4	
sektor swasta (RM bilion)				
Indeks Komposit BSKL (akhir-tempoh)	638.02		696.09	
Nilai pasaran BSKL (RM b) (akhir tempoh)	435.98		464.99	